



SIARAN MEDIA

POLIS DIRAJA MALAYSIA

HAL EHWAL AWAM/PESARA POLIS

IBU PEJABAT POLIS KONTINJEN SARAWAK, JALAN BADRUDDIN, 93560 KUCHING

TELEFON : 082-274031 FAX : 028-248314

KENYATAAN MEDIA

PESURUHJAYA POLIS SARAWAK

BERKAITAN SIASATAN PERGADUHAN DI LADANG 3 BATU NIAH, MIRI

1. Pada 07.02.2021 jam lebih kurang 1345 hrs telah berlaku satu pergaduhan di Ladang 3 Batu Niah Miri di antara pengawal keselamatan dan penduduk Kampung Sg. Pakut Niah yang berpunca daripada insiden seorang lelaki tempatan berketurunan Iban telah mengingkari arahan Polis Bantuan yang pada awalnya tidak membenarkan lelaki itu memasuki kawasan kilang kerana Perintah Kawalan Pergerakan di kawasan kilang Palm Oil Mill Niah. Lelaki itu terus mengeluarkan kata-kata berunsur ugutan jenayah untuk mencederakan Polis Bantuan tersebut.

2. Lelaki tersebut telah melarikan diri dari kawasan perumahan kilang dengan menggunakan motorsikal pada jam lebih kurang 1630 hrs dan beliau telah bertindak menumbuk pengawal keselamatan setelah ditahan di Pintu Keluar/Masuk kawasan kilang. Ekoran daripada pergelutan tersebut, berlaku insiden pukul memukul oleh Pengawal Keselamatan ladang yang telah dileraiakan oleh Polis Bantuan.

3. Susulan dari kejadian tersebut, dua (2) laporan polis telah dibuat iaitu Batu Niah Rpt/192/21 dan Batu Niah Rpt/192/21. Laporan ini disiasat di bawah Seksyen 506 Kanun Keseksaan kerana melakukan ugutan jenayah dan

Seksyen 324 Kanun Keseksaan kerana dengan sengaja menyebabkan cedera dengan jalan menggunakan senjata atau lain-lain benda yang merbahaya

4. Dalam insiden tersebut pihak BSJD Miri melakukan tangkapan bagi kedua-dua pihak. Tangkapan yang dilakukan adalah seperti berikut:-

4.1 Bekenu Rpt :115/21 @ 07/02/2021

Kesalahan: Sek. 506 KK

1(L) warga tempatan

4.2. Bekenu Rpt :115/21 @ 07/02/2021

Kesalahan: Sek. 324 KK

5(L) Pengawal Keselamatan:

5. Lanjutan daripada insiden pada 07.02.2021, penduduk Kampung Sg. Pakut berasa tidak berpuas hati ke atas tindakan Pengawal Keselamatan yang telah memukul mangsa. Pada 09.02.2021 jam lebih kurang 2100 hrs, penduduk kampung bersama dengan datuk kepada mangsa telah mengurung serta memukul Pengawal Keselamatan di Pondok Pintu Masuk Utama Ladang SPB di Bukit Peninjau. Satu (1) laporan polis telah dibuat oleh Pengawal Keselamatan yang dikurung bersabit Bekenu Rpt: 118/21 @ 10.02.2021 dan pihak polis telah membuat menahan seramai (5)L yang merupakan penduduk kampung bersabit Bekenu Rpt :119/21 di atas kesalahan di bawah Sek. 324 KK & Sek. 342 KK.

6. Keseluruhan tangkapan yang dibuat oleh BSJD Miri dalam insiden pergambaran termasuk pengawal Keselamatan ladang tidak melibatkan mana-mana warga asing seperti mana yang didakwa oleh sesetengah pihak. Insiden tersebut boleh dielakkan jika Polis Bantuan mengambil tindakan pantas.

7. Kertas Siasatan akan dirujuk ke Pengarah Pendakwaan Negeri Sarawak untuk arahan selanjutnya.

8. Pihak polis ingin mengingatkan masyarakat untuk tidak mengapi-apikan sebarang unsur perkauman di kalangan masyarakat majmuk di Malaysia dan Sarawak khususnya. Kejadian yang berlaku adalah kejadian terpencil yang berpunca dari salah faham antara dua (2) pihak dan pihak polis menasihatkan agar masyarakat tidak mengambil tindakan melulu dan memberikan ruang kepada pihak polis untuk menyiasat kejadian ini.

**(DATO' AIDI BIN ISMAIL) CP
PESURUHJAYA POLIS SARAWAK**

- TAMAT -
(Dikeluarkan pada 16 Februari 2021, jam 1200hrs.)